

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.7 HINGGA 50 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]

**TARIKH :** 4.11.2014

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) sila perincikan berapa banyakkah IPTS yang telah diberi lesen beroperasi sehingga Jun 2014 dan berapa pula yang telah ditamatkan lesen kerana gagal beroperasi; dan
- (b) apakah punca kegagalan IPTS yang ditamatkan operasinya, apakah langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan dalam mempertahankan industri ini daripada mencemarkan industri pendidikan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014 sebanyak 534 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terdiri daripada 59 buah universiti, 32 buah kolej universiti, sembilan (9) buah universiti cawangan luar negara dan 434 buah institusi bertaraf kolej. Dari tahun 2000 hingga 2013, sebanyak 58

buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah menamatkan operasi atas sebab tertentu seperti telah tamat tempoh kelulusan, tidak memohon pembaharuan lesen dan tidak aktif lagi beroperasi.

- (b) Bagi memastikan sesebuah IPTS mampu beroperasi dengan baik, pengurusan kewangan syarikat yang memiliki IPTS tersebut perlu fokus dalam memajukan institusi yang dimiliki. Selain itu, sumber manusia yang menerajui sesebuah IPTS seperti pengurusan tertinggi, tenaga pengajar dan staf bukan akademik perlu mempunyai kompetensi yang tinggi dan terbaik bagi memastikan IPTS tersebut berdaya saing dan lestari. Pengurusan kualiti dalam IPTS juga perlu mantap dan mampu memainkan peranan bagi memastikan kawalan jaminan kualiti di IPTS berada di tahap yang terbaik di samping penawaran program-program yang relevan dan mampu memenuhi permintaan dan kehendak industri. Sekiranya IPTS tidak memenuhi kriteria ini, ia boleh menjadi punca kepada kegagalan untuk mereka melaksanakan operasi dengan jayanya.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau dengan serius setiap perkembangan dan pembangunan sesebuah IPTS secara berkala melalui pelbagai program pemantauan. Antara program pemantauan yang dijalankan adalah audit kelestarian yang melihat keupayaan sesebuah IPTS untuk terus berdaya saing serta berkeupayaan menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Penilaian dibuat berdasarkan analisis penyata kewangan bagi tiga (3) tahun berturut-turut yang telah

diaudit termasuk nilai pelaburan, kos operasi dan Pelan Pembangunan Institusi bagi lima (5) tahun akan datang.

RJM84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH** : **4 NOVEMBER 2014**

**SOALAN** : **Tuan Su Keong Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan bila Kerajaan akan mengambil langkah untuk membawa ratifikasi “ratification” ke atas Perjanjian “Arms Trade Treaty” yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada 26 September 2013.**